

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, April 17, 2018 3:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: 26 Warga UUM Menabur Bakti Menanam Minat Belajar Matematik Dikalangan Murid SJK(C) Negeri Kedah.



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2018 / 1 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

26 Warga UUM Menabur Bakti Menanam Minat Belajar Matematik Dikalangan Murid SJK(C) Negeri Kedah.

Pada 13 April 2018 yang lalu, UUM telah menghantar dua orang pensyarah (pengiring) dan 24 pelajar sebagai fasilitator ke SJK(C) Keat Hwa (K), Alor Setar untuk menyertai Program Jejak Matematik di bawah "Program Jaringan dan Jalinan SKK-IPTA Universiti Utara Malaysia" yang berlangsung dari pukul 8 pagi hingga 4.30 petang . Program ini melibatkan tiga buah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) Negeri Kedah, iaitu SJK(C) Keat Hwa (K), SJK(C) Keat Hwa (S) dan SJK(C) Aik Min.



“Program Jaringan dan Jalinan SKK-IPTA UUM” merupakan satu aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh pihak SKK-SJK(C) dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA UUM CAS). Program tersebut bertujuan untuk memupuk dan menanam minat pelajar-pelajar sekolah rendah dalam mata pelajaran Matematik dan seterusnya menambahbaik prestasi para pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Melalui program ini, perkongsian ilmu, kepakaran dan prasarana juga dapat dijalin bersama antara UUM dengan SKK.



Program ini telah dirasmikan oleh Guru Besar dari SJK (C) Aik Min. Dalam ucapannya, beliau menyatakan hasratnya untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar dalam pelajaran Matematik. Selain itu, beliau juga berharap program ini dapat mengasah dan mencungkil bakat-bakat pelajar yang akan menjadi tulang belakang negara pada masa hadapan.

Akhirnya, beliau menyatakan hasrat beliau untuk meneruskan jaringan dan jalinan antara



SKK-SJK(C) dan UUM pada masa yang akan datang.

Program perasmian ini turut dihadiri oleh Guru Besar SJK(C) Keat Hwa (K), Guru Besar SJK(C) Keat Hwa (S), Guru Besar SJK(C) Aik Min, guru-guru penolong kanan dan para guru pengiring. Pihak PPA UUM CAS telah melantik Dr. Teh Yuan Ying dan Dr. Ch'ng Chee Keong sebagai ketua fasilitator dan 24 orang fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) bagi mengendalikan program tersebut.



Dalam menerajui gelombang revolusi dalam pendidikan, pelbagai permainan berbentuk digital turut diperkenalkan sejajar dengan permainan traditional. Para pelajar telah diberi peluang untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan matematik yang dipelajari dalam setiap permainan yang disediakan. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menitikberatkan unsur matematik, malahan menekankan kepentingan unsur psikomotor, komunikasi, kepimpinan dan semangat berpasukan.

Sekian

=====
Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307/5507 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
OF MBAS
ACCREDITED



IQA
International
Quality
Accreditation



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.